

HOMONIM BAHASA BAJAU DENGAN BAHASA MELAYU STANDARD BERDASARKAN SEMANTIK LEKSIKAL

[HOMONYMS OF BAJAU LANGUAGE WITH STANDARD MALAY LANGUAGE BASED ON LEXICAL SEMANTICS]

NURHAIMAH ISMAIL¹
NURUL JAMILAH ROSLY¹

Abstrak

Bahasa Bajau merupakan bahasa ibunda suku kaum Bajau yang merupakan salah satu etnik Sabah di Malaysia. Sebahagian besar penduduknya tinggal di wilayah-wilayah pesisir pantai di Filipina, Malaysia, dan Indonesia. Mereka terkenal dengan gelaran gipsi laut kerana kependudukan mereka yang berada di pesisir laut dan pantai sejak dahulu lagi. Etnik Bajau sangat mahir dan menguasai cara hidup di laut termasuklah membina rumah di atas laut, menangkap hasil laut, menyelam dan sebagainya. Mereka juga memiliki dialek yang berbeza bergantung kepada wilayahnya kerana Bajau terbahagi kepada dua golongan iaitu Bajau Laut dan Bajau Darat. Walaubagaimanapun, dialek-dialek antara mereka masih memiliki kesamaan yang kuat dalam kosa kata dan struktur tatabahasa. Justeru, pengkaji telah menjalankan satu kajian tentang bahasa Bajau dan bahasa Melayu kerana dilihat kedua-dua bahasa tersebut memiliki beberapa persamaan leksikal dari aspek ejaan dan sebutan namun berbeza makna atau lebih dikenali sebagai homonim. Kajian ini mempunyai dua objektif, iaitu mengenal pasti homonim di antara bahasa Bajau dengan bahasa Melayu standard dan membincangkan semantik leksikal dari segi hubungan makna homonim di antara bahasa Bajau dengan bahasa Melayu standard. Pengkaji menggunakan kaedah analisis kualitatif iaitu pemerolehan data melalui *Google Forms* dan temu bual. Seramai 35 responden yang terlibat dalam menjayakan kajian ini. Kajian ini menggunakan Teori Semantik Leksikal dalam menganalisis hubungan makna homonim. Hasil dapatan menunjukkan sebanyak 53 leksikal bahasa Bajau yang mempunyai hubungan homonim dengan bahasa Melayu standard. Persamaan yang wujud di antara kedua-dua bahasa tersebut didorong oleh beberapa faktor seperti faktor sejarah, faktor perkahwinan dan faktor migrasi masyarakat terdahulu. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan adalah sebagai satu usaha untuk menampilkan bahasa Bajau yang berhomonim dengan bahasa Melayu standard bagi mengelakkan salah tafsir antara bahasa tersebut.

Kata kunci : bahasa Bajau, homonim, semantik leksikal, hubungan makna.

Abstract

The Bajau language is the native language of the Bajau ethnic group, which is one of the ethnic groups in Sabah, Malaysia. The majority of its population resides in coastal regions in the Philippines, Malaysia, and Indonesia. They are known as "sea gypsies" due to their settlement along the coastal areas and seas for generations. The Bajau people are highly skilled in and have mastered the ways of life at sea, including building houses on the water, fishing, diving, and more. They also have different dialects depending on the region, as the Bajau is divided into two groups: Bajau Laut (sea Bajau) and Bajau Darat (land Bajau). However, the dialects among them still share strong similarities in vocabulary and grammatical structure. Therefore, researchers have conducted a study on the Bajau language and Standard Malay, as both languages are seen to have some lexical similarities in spelling and pronunciation but differ in meaning, which is known as homonyms. This study has two objectives: to identify homonyms between the Bajau language and Standard Malay, and to discuss the lexical semantics of the relationship between the meanings of homonyms in both languages. The researcher used a qualitative analysis method, collecting data through Google Forms and interviews. A total of 31 respondents participated in the study. The study employs Lexical Semantic Theory to analyze the meaning relationships of homonyms. The findings show that there are 53 lexical items in the Bajau language that have homonymous relationships with Standard Malay. The similarities between the two languages are driven by several factors, such as historical factors, marriage, and migration of earlier communities. Thus, this study is conducted as an effort to highlight the homonyms between the Bajau language and Standard Malay to avoid misinterpretations between the two languages.

Keywords: Bajau language, homonyms, lexical semantics, meaning relationships.

PENGENALAN

Suku kaum Bajau merupakan salah satu kelompok etnik yang mendiami kawasan pesisir laut di Asia Tenggara, khususnya di Sabah Malaysia, Indonesia dan Filipina. Kaum ini dikenali sebagai ‘gipsi laut’ kerana kebergantungan hidup mereka dengan sumber laut adalah sangat tinggi (Saidatul Nornis, 2024). Masyarakat Bajau dipercayai berasal dari dua kepulauan, iaitu Kepulauan Sulu di Filipina dan Kepulauan Sulawesi di Indonesia (Md.Saffie, et al., 2012:14). Sejarah mereka menunjukkan penglibatan orang berbangsa Bajau dalam dunia pelayaran dan perdagangan maritim, menjadikan mereka gipsi laut yang paling mahir di dunia dalam navigasi dan menyelam serta dalam teknik menangkap ikan. Justeru, ketamadunan bangsa Bajau ini diiktiraf oleh serata dunia kerana keunikan yang ada pada mereka, contohnya masyarakat bajau merupakan penyelam yang paling handal dan berupaya berada dalam tempoh masa yang lama sehingga 13 minit pada paras kedalaman 70 meter (Syafiq at-Tauhidi, 2021). Hal ini sangat mustahil bagi manusia kerana berdasarkan kajian rata-rata manusia mampu bernafas selama 30 sehingga 90 detik ketika berada di dalam air (Alice Lipscombe, 2023). Namun tidak terjadi kepada orang Bajau kerana mereka yang tinggal hidup selama beribu-ribu tahun di atas laut menjadikan tubuh badan mereka sudah lama beradaptasi dengan laut. Menurut sumber dari *BioInteractive*, orang Bajau memiliki limpa yang lebih besar berbanding manusia normal dan ia berfungsi sebagai kantung darah merah beroksigen yang membantu bangsa gipsi laut ini bernafas dalam jangka masa yang lama di dalam permukaan air.

Selain itu, keistimewaan etnik Bajau adalah menuturkan bahasa tersendiri yang jika didengar sangat berbeza pengucapannya dengan bahasa lain, iaitu bahasa Bajau. Bahasa ini boleh dijumpai pada bangsa Bajau di Sabah Malaysia, komuniti bajau di Kepulauan Sulawesi Indonesia atau dikenali sebagai Moken, Bajo dan Bajoe yang tinggal di Sulawesi Timur, barat laut Flores, Maluku, Pulau Longos dan di beberapa pesisir pantai Indonesia (Md.Saffie et al. 2012:19) dan di Kepulauan Sulu Filipina pula, etnik Bajau banyak mendiami kawasan seperti Pulau Tawi-Tawi, Sibutu, Basilan dan di beberapa tempat lagi. (Md.Saffie, et al. 2012:17). Pembahagian etnik bajau pada ketiga-tiga negara ini berlaku kesan daripada penjajahan kuasa Eropah di Kepulauan Borneo sehingga wujudnya pengasingan etnik Bajau kepada tiga negara. Walaubagaimanapun, mereka masih dibawah rumpun yang sama dengan menuturkan bahasa yang memiliki kemiripan dan saling memahami antara satu sama lain (Md.Saffie, et al. 2012:12). Tidak dinafikan bahawa kini bahasa Bajau memiliki dialek yang berbeza bergantung kepada wilayahnya dan kumpulan Bajau tertentu, tetapi umumnya, dialek-dialek ini memiliki kesamaan yang kuat dalam kosa kata dan struktur tatabahasa.

Dari segi aspek bahasa, dialek utama boleh dikategorikan kepada dua iaitu, Bajau Laut yang dipertuturkan oleh komuniti Bajau yang tinggal di atas air dan Bajau Darat mewakili mereka yang tinggal di kawasan daratan. Fokus kajian ini adalah tertumpu kepada etnik bajau laut di kawasan pantai timur Sabah iaitu Semporna. Untuk pengetahuan, bajau laut juga dikenali sebagai Pala’u yang berasal daripada perkataan “perahu” dan “pelaut” (Md.Saffie, et al. 2012:26). Majoritinya, mereka menetap di perkampungan atas air seperti kampung Bangau-Bangau, Pulau Mabul, Pulau Omadal, Pulau Denawan dan beberapa pulau di Semporna. Perbezaan antara masyarakat bajau cenderung berlaku suatu ketika dahulu, iaitu etnik Bajau darat dianggap masyarakat yang beragama Islam, sebaliknya Bajau laut sebagai masyarakat

bukan beragama Islam. Perkara ini terbukti ketika seorang pendakwah bebas, Ebit Lew telah mengislam penduduk Pulau Tatagan Semporna ketika dalam misi kemanusiaan (Astro Awani, 2021). Walaubagaimanapun, tanggapan perbezaan ini sudah tidak relevan kerana hampir sebahagian besar penduduk bajau laut di Semporna pada hari ini beragama Islam dan mendapat pendidikan yang setara bangsa lain.

Rentetan daripada kajian tentang Bahasa Gipsi Laut (2016) menyatakan, bentuk bahasa kelompok Bajau darat yang mendiami pantai barat Sabah banyak meminjam leksikon dari bahasa Melayu. Sebaliknya, bentuk bahasa kelompok bajau laut di kawasan pantai timur Sabah lebih banyak mengekalkan struktur asal bahasa Bajau. Sarjana Clifford Sather (1968:206) menyimpulkan tentang bahasa bajau laut yang merupakan salah satu bahasa himpunan dialek dan subdialek kawasan yang heterogen dan tergolong ke dalam rumpun Filipina daripada bahasa Austronesia. Walaubagaimanapun, bahasa Bajau dan bahasa Melayu standard masih terikat dan memiliki beberapa persamaan kerana keduanya termasuk dalam rumpun bahasa Austronesia dan Melayu Polinesia yang dituturkan di kawasan Nusantara pada ketika dahulu (Mohd Khaidir, 2022). Oleh itu, terdapat beberapa persamaan antara keduanya meliputi leksikal antara bahasa Bajau dengan bahasa Melayu standard, meskipun terdapat variasi dalam pengucapan, ejaan dan maknanya.

Kesimpulannya, kajian ini akan membincangkan tentang leksikal bahasa Bajau yang didapati memiliki persamaan dengan perkataan bahasa Melayu standard dari aspek sebutan, seterusnya membandingkan makna antara leksikal tersebut berdasarkan Teori Semantik Leksikal.

PENYATAAN MASALAH

Terdapat banyak kajian yang mengkaji tentang Bajau dan bahasanya dengan melihat pelbagai sudut dan aspek yang telah dilakukan oleh para sarjana lepas. Kajian-kajian oleh sarjana tempatan iaitu Mohd Syam Halipa (2022), Zulayti Zakaria et al. (2023), Syamsul Azizul et al. (2020), Saidatul Nornis Hj. Mahali (2020), dan Fazal Mohamed dan Siti Amanina (2021) menyentuh pelbagai topik yang berkait rapat dengan Bajau. Hasil dapatan menunjukkan pengkaji hanya menyentuh tentang budaya dan adat resam masyarakat bajau secara terperinci. Hal ini kerana, etnik Bajau sangat kaya dengan kebudayaan dan adat istiadat yang unik dan berbeza dengan norma masyarakat lain. Kelainan yang unik ini menarik perhatian penyelidik tempatan khususnya pelajar-pelajar untuk mengkaji dengan lebih mendalam. Kebudayaan dan adat resam yang dimiliki menjadi bukti bahawa masyarakat Bajau mempunyai ilmu pengetahuan dan kebolehan untuk dipamerkan kepada dunia luar. Kenyataan ini disokong berat oleh tokoh Andreas Eppink (1984) yang menghuraikan bahawa kebudayaan ialah keseluruhan pengertian, norma, nilai, ilmu pengetahuan dan struktur kemasyarakatan, keagamaan serta penghasilan seni dan intelektual yang membentuk ciri-ciri khas sesebuah identiti masyarakat. Namun, pengkaji Mohd Syam Halipa (2022), Zulayti Zakaria et al. (2023), dan Syamsul Azizul et al. (2020) hanya membataskan kajian mereka terhadap kebudayaan dan ada resam etnik Bajau sahaja dan jarang sekali menyentuh berkaitan dengan sistem bahasa etnik tersebut. Walaubagaimanapun, kajian oleh Saidatul Nornis Hj. Mahali (2020), dan Fazal Mohamed dan Siti Amanina (2021) memfokuskan kepada struktur bahasa etnik Bajau khususnya dalam leksikal dan kata kerja yang digunakan oleh etnik tersebut. Kajian ini mengumpulkan aksara

dan penggunaan kata etnik Bajau yang kurang diketahui oleh masyarakat lain. Namun begitu, mereka hanya memilih beberapa daerah di Sabah dan bukannya secara meluas.

Justeru, pengkaji melihat masih tiada lagi kajian khusus yang membincangkan bahasa Bajau di daerah Semporna. Faktor pemilihan lokasi yang unik seperti Semporna memberi nafas baharu kepada pengkaji lain di masa akan datang kerana Semporna sering menjadi buah mulut masyarakat lain sehingga menembusi pasaran antarabangsa. Kecantikan pulau-pulau di Semporna bukan hanya sekadar tempat pelancongan, akan tetapi dijaga rapi oleh orang Bajau laut atau ‘gipsi laut’ yang mendiami setiap pulau-pulau tersebut. Sistem percakapan dan bahasa mereka yang berbeza juga menjadi salah satu keunikan yang harus ditonjolkan dan dikaji. Hal ini kerana sememangnya wujud perbezaan dialek dan makna di antara daerah-daerah di Semporna terutamanya mereka yang tinggal di atas laut. Oleh yang demikian, pengkaji ingin mengkaji tentang sistem bahasa orang Bajau laut khususnya dalam leksikal atau perbendaharaan kata lalu membandingkan dengan kata bahasa Melayu yang mempunyai struktur ejaan sama namun berbeza pengertian dengan bahasa Melayu standard. Perbincangan terhadap faktor-faktor yang menyumbang kepada kemiripan antara kedua bahasa tersebut juga dibentangkan oleh pengkaji. Secara tidak langsung, pelaksanaan kajian ini akan menjadi satu usaha dalam mengisi kelompangan kajian lepas kerana masih tiada kajian yang dilakukan di Semporna khususnya dalam semantik homonim di antara bahasa Bajau dengan bahasa Melayu standard.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti homonim di antara bahasa Bajau dengan bahasa Melayu standard.
2. Membincangkan makna homonim di antara bahasa Bajau dengan bahasa Melayu standard berdasarkan Teori Semantik Leksikal.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian merupakan pelan tindakan yang mewakili secara terperinci bagaimana sesuatu kajian itu dilaksanakan. Ia juga berfungsi sebagai panduan dalam membantu penyelidik ketika dalam proses memungut, menganalisis dan membuat pentafsiran hasil penyelidikan. Justeru, kajian ini menggunakan pendekatan gabungan antara kuantitatif dengan kualitatif bagi mencapai kedua-dua objektif kajian. Oleh itu, temu bual secara atas talian terhadap informan bangsa bajau akan dijalankan bagi tujuan kesahihan leksikal-leksikal bajau dan kaedah kepustakaan sebagai data sekunder untuk mengumpul data entri.

Kaedah Kepustakaan

Kepustakaan ialah teknik pengumpulan data yang melibatkan kajian dan analisis sumber sekunder yang sedia ada, misalnya kamus, buku, artikel, laporan, perpustakaan dan laman sesawang. Kaedah kepustakaan ini membantu pengkaji mendapatkan sumber yang telus berdasarkan pembacaan secara teliti terhadap artikel dan kertas kerja kajian lepas. Pengkaji telah menelusuri beberapa kajian lepas yang berkait rapat melalui kaedah ini sebagai panduan terhadap kajian yang di buat.

Kaedah Pengumpulan Data

a) Persampelan

Sampel adalah bagian dari jumlah dan karakteristik yang dimiliki oleh populasi tersebut (Sugiyono, 2019). Pensampelan kajian merupakan proses memilih sekumpulan termasuklah orang, institusi, tempat, atau fenomena oleh penyelidik yang mewakili kumpulan besar bagi dan digunakan untuk membuat inferensi atau kesimpulan terhadap populasi tersebut. Kajian ini memilih masyarakat berbangsa bajau sebagai sampel kajian. Pengkaji memfokuskan bangsa bajau laut yang berlokasi di Semporna Sabah memandangkan terdapat perbezaan antara bajau di setiap daerah di Sabah. Seramai 35 orang sampel kajian berlatarbelakangkan bangsa Bajau yang bakal terlibat bagi mencapai objektif dan menjayakan kajian ini. Pemilihan sampel ada secara rawak di mana tiada had umur yang ditetapkan dan jenis jantina.

b) Instrumen

Pengkaji menggunakan kaedah temu bual sebagai instrumen dalam kajian ini. Temu bual secara fizikal merujuk kepada satu sesi perbincangan atau wawancara yang dilakukan secara bersemuka antara dua pihak atau lebih. Dalam temu bual ini, pengkaji akan bertemu secara langsung dengan empat orang responden berbangsa Bajau di Semporna tanpa mengkhususkan golongan umur responden. Pelaksanaan temu bual ini adalah sebagai langkah untuk mengesahkan kesahihan leksikal-leksikal bahasa Bajau yang telah di kumpul.

c) Soal selidik

Kaedah soal selidik atas talian juga bakal dijalankan oleh pengkaji bagi pengumpulan data yang lebih banyak. Seramai 31 informan akan menjawab borang soal selidik yang telah disediakan menerusi saluran atas talian iaitu *Google Form* oleh pengkaji. Penyediaan set soalan ini akan menjalani proses kesahan muka terlebih dahulu yang melibatkan pensyarah berkaitan sebelum diedarkan kepada responden.

Kaedah Penganalisan Data

Tulisan kajian yang baik memerlukan penganalisan data yang jelas dan baik. Oleh yang demikian, pengkaji akan menganalisis data-data yang diperoleh berdasarkan maklum balas dan jawapan yang diberikan oleh responden. Bagi penganalisan data sesi temu bual bersama responden dan borang soal selidik atas talian, pengkaji akan mengumpul ke semua jawapan dan maklum balas daripada responden yang terlibat. Jawapan yang diberikan merupakan data penting untuk memenuhi objektif kajian ini.

ANALISIS SEMANTIK LEKSIKAL

Perkataan semantik ini berasal daripada perkataan Greck "semantikos" yang membawa maksud "erti yang penting". Ilmu semantik ini telah pun dikaji sejak tahun 429-347 SM oleh Plato dan ia merupakan sebahagian daripada ilmu linguistik (Faridah dan Faiziah, 2016). Plato berpendapat bahawa bunyi-bunyi bahasa secara implisit mengandungi makna-makna tertentu menerusi karyanya yang bertajuk *Crafylus*. Seterusnya, Aristotle meneruskan kajian tentang semantik sekitar tahun 384-322 SM dengan menggunakan istilah makna sewaktu mendefinisikan perkataan pada masa tersebut. Perkembangan bidang semantik di Malaysia pula agak perlahan berbanding dengan bidang linguistik yang lain seperti morfologi, fonologi, sintaksis dan fonetik. Kajian terawal berkenaan dengan bidang semantik dicatatkan oleh Awang Had Salleh (1959) menerusi rencana yang bertajuk *Sadikit tentang Ma'na*. Dalam rencana tersebut, aspek yang dibincangkan ialah makna konotatif, perluasan makna dan penyempitan makna. Namun demikian, penulisan tersebut bersifat terlalu umum berkenaan dengan bidang semantik kerana tidak menerapkan sebarang kerangka teori. Kajian semantik diteruskan lagi oleh Ismail Muhammad (1959) menerusi penulisan yang bertajuk *Sedikit tentang Semantik*.

Analisis Semantik Leksikal merupakan cabang dalam kajian semantik yang memberi tumpuan kepada kajian makna perkataan (*lexemes*) dan hubungannya dengan konsep-konsep yang berkaitan. Semantik meliputi bagaimana makna dikodkan, dihantar, dan difahami dalam komunikasi, manakala leksikal merujuk kepada "lexicon" atau senarai semua perkataan dalam sesuatu bahasa. Terdapat beberapa komponen penting dalam analisis semantik leksikal, iaitu merangkumi antonim, sinonim, hiponim, homonim dan meronim. Dalam kajian ini, penyelidik memfokuskan aspek homonim, sekumpulan perkataan yang berkongsi ejaan serta sebutan yang sama tetapi mempunyai makna yang berbeza. Homonim terbahagi kepada dua jenis, iaitu homonim sebutan dan homonim ejaan. Homonim sebutan merujuk kepada perkataan yang mempunyai sebutan yang sama tetapi ejaan dan makna yang berbeza. Semantik juga boleh dirujuk sebagai sistem dan kajian tentang makna dalam bahasa (Kamus Linguistik, 1997 dipetik daripada Haji Mohd Isa bin. Abdul Razak, 2003). Menurut J.W.W Verhaar (1996:284), semantik adalah cabang linguistik yang akan membahaskan erti atau makna. Abdul Chaer (1984 :284) mendefinisikan semantik sebagai bidang kajian linguistik yang mana objek penelitiannya adalah makna bahasa.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan kajian yang dilakukan, pengkaji dapat mengenal pasti sebanyak 53 leksikal bahasa Bajau yang berhomonim dengan bahasa Melayu standard. Seramai 31 orang responden dari beberapa daerah Semporna yang berbangsa Bajau telah mengikut serta dalam memberikan jawapan pada sesi soal jawab secara atas talian, *Google Form*. Responden dipilih tanpa mengira jantina, umur dan asal-usul mereka.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa leksikal dalam bahasa Bajau yang berkongsi sebutan dan ejaan dengan bahasa Melayu standard atau lebih dikenali sebagai homonim dalam semantik leksikal. Persamaan tersebut membuktikan bahawa bahasa bajau juga menggunakan bahasa melayu standard sehari-harian tanpa menyedarinya, walaupun dalam konteks yang berbeza. Kemiripan yang berlaku ini adalah disebabkan beberapa faktor seperti


mana yang dijawab oleh informan pada *Google Form* dan sesi temu bual, termasuklah faktor sejarah, asal-usul bahasa, faktor penghijrahan, faktor perkahwinan dan sebagainya.

Demografi Responden

Berikut merupakan taburan responden berdasarkan umur, jantina dan asal-usul kepulauan masyarakat bajau di daerah Semporna, Sabah serta analisis homonim di antara bahasa Bajau dengan bahasa Melayu standard.

a. Taburan Responden Berdasarkan Umur

Rajah 4.1 di bawah mewakili jumlah peratusan umur responden berdasarkan pembahagian yang telah ditetapkan oleh pengkaji.




Rajah 1.1 Taburan responden berdasarkan umur

Rajah 4.1 menunjukkan taburan responden berdasarkan umur. Terdapat tiga kategori umur yang telah ditetapkan oleh pengkaji, iaitu kategori pertama terdiri daripada umur 18 tahun hingga 30 tahun, kategori kedua terdiri daripada 31 tahun hingga 50 tahun dan kategori terakhir responden adalah 50 tahun dan ke atas. Jumlah peratusan menunjukkan kategori pertama merupakan yang paling ramai iaitu responden dalam kalangan 18 tahun hingga 30 tahun adalah sebanyak 58.1% iaitu seramai 18 orang responden. Manakala kategori kedua yang terdiri daripada umur 31 tahun hingga 50 memperlihatkan jumpa peratusan sebanyak 29% iaitu seramai 9 orang responden. Kategori terakhir dilihat keterlibatan yang paling minoriti dengan jumlah peratusan sebanyak 12.9% dengan seramai 4 orang responden.

b. Taburan Responden Berdasarkan Jantina

Rajah 4.2 di bawah merupakan jumlah peratus jantina etnik Bajau di beberapa kepulauan di daerah Semporna yang terlibat sebagai bahan dapatan kajian objektif pertama.




Rajah 1.2 Taburan responden berdasarkan jantina

Rajah 4.2 menunjukkan taburan responden berdasarkan jantina. Seramai 31 orang responden etnik bajau daerah Semporna telah dipilih sebagai responden. Jumlah peratusan memperlihatkan responden lelaki mencatatkan sebanyak 41.9% iaitu seramai 13 orang responden, manakala responden perempuan sebanyak 58.1%, iaitu seramai 18 orang responden.

c. Taburan Responden Berdasarkan Asal-usul Kepulauan.

Rajah 4.3 menunjukkan asal-usul kepulauan responden kajian.



Rajah 1.3 Taburan responden berdasarkan asal-usul kepulauan



Foto 1 Peta Sabah



Foto 2 Peta Daerah Semporna Sabah

Rajah 4.3 merupakan taburan responden berdasarkan asal usul kepulauan. Rajah menunjukkan responden yang terlibat adalah dari beberapa kawasan pulau, iaitu Pulau Denawan, Pulau Menampilik, Pulau Omdal, Pulau Bum-bum dan Pulau Simunul. Terdapat juga beberapa responden yang mewakili pulau lain iaitu Pulau Ubian dan Pulau Sipadan. Taburan menunjukkan majoriti responden berasal dari Pulau Omdal dengan mencatatkan sebanyak 38.7%, iaitu seramai 12 orang. Seterusnya, Pulau Denawan menunjukkan peratusan sebanyak 29% dengan seramai 9 orang responden dan Pulau Menampilik mencatatkan 19.4%, iaitu seramai 6 orang responden. Terdapat 2 orang responden yang berasal dari Pulau Ubian dengan mencatatkan sebanyak 6.5%. Terakhir, Pulau Bum-Bum dan Pulau Sipadan mencatatkan 3.2% iaitu hanya seorang responden masing-masing. Manakala, Foto 1 menunjukkan peta negeri Sabah dan Foto 2 pula menggambarkan pulau-pulau yang berada di daerah Semporna.

HOMONIM BAHASA BAJAU DENGAN BAHASA MELAYU STANDARD

Pengkaji telah mengutarakan beberapa soalan yang berkaitan dengan leksikal berhomonim di antara bahasa Bajau dengan bahasa Melayu standard. Berdasarkan beberapa soalan tersebut, didapati sebanyak 53 kosa kata atau leksikal bahasa bajau yang mempunyai persamaan dari segi sebutan dan ejaan namun membawa erti yang berbeza dengan bahasa melayu standard. Jadual 4.1 di bawah merupakan senarai kata atau leksikal berhomonim di antara bahasa bajau dengan bahasa melayu standard berdasarkan jawapan-jawapan yang diberikan oleh responden.

Jadual 1.1 Senarai Leksikal Berhomonim di antara Bahasa Bajau dengan Bahasa Melayu Standard

Leksikal Homonim		
Bil	Bahasa Bajau	Bahasa Melayu Standard
1.	Alam	Alam
2.	Agung	Agung
3.	Asak	Asak
4.	Babal	Babal
5.	Babu	Babu
6.	Bagai	Bagai
7.	Bakat	Bakat
8.	Balut	Balut
9.	Bangbang	Bangbang
10.	Basung	Basung

11.	Batik	Batik
12.	Borak	Borak
13.	Buas	Buas
14.	Bukut	Bukut
15.	Dangai	Dangai
16.	Dayang	Dayang
17.	Gandum	Gandum
18.	Hati	Hati
19.	Hos	Hos
20.	Kakak	Kakak
21.	Kapal	Kapal
22.	Kayau	Kayau
23.	Kepet	Kepet
24.	Kuya	Kuya
25.	Lagak	Lagak
26.	Layak	Layak

27.	Lampung	Lampung
28.	Langkau	Langkau
29.	Lara	Lara
30.	Lawak	Lawak
31.	Ogos	Ogos
32.	Organ	Organ
33.	Pahang	Pahang
34.	Pandu	Pandu
35.	Panji	Panji
36.	Parang	Parang
37.	Pasar	Pasar
38.	Pisang	Pisang
39.	Pong	Pong
40.	Ragan	Ragan
41.	Sakat	Sakat
42.	Sampuk	Sampuk

43.	Senyawa	Senyawa
44.	Siam	Siam
45.	Singsing	Singsing
46.	Suntut	Suntut
47.	Surai	Surai
48.	Tawan	Tawan
49.	Tempel	Tempel
50.	Tong	Tong
51.	Tuas	Tuas
52.	Tuli	Tuli
53.	Ulan	Ulan

Merujuk Jadual 1.1 di atas, kemiripan di antara bahasa Bajau dengan bahasa Melayu standard sememangnya wujud berdasarkan jawapan-jawapan yang diberikan oleh responden pada *Google Forms*. Pengkaji menganalisis keseluruhan data jawapan dengan membandingkan bahasa Bajau dengan bahasa Melayu standard. Kosa kata yang disenaraikan oleh responden dari etnik Bajau akan dirujuk perbezaan maknanya melalui Kamus Dewan Keempat (KD4).

ANALISIS PERBINCANGAN MAKNA HOMONIM DI ANTARA BAHASA BAJAU DENGAN BAHASA MELAYU STANDARD BERDASARKAN SEMANTIK LEKSIKAL

Jadual 1.2 Leksis Bahasa Bajau Berhomonim dengan Bahasa Melayu Standard berserta
Makna

Bahasa Bajau Semporna	Makna	Bahasa Melayu Standard	Makna (Kamus Dewan)
Alam	Bukan	Alam	Dunia, bumi
Agung	Gong	Agung	Paling besar, terutama
Asak	Salah	Asak	Padat, sesak, bertolak-tolakan
Babal	Bodoh	Babal	Jk putik nangka, kebabal
Babu	Makcik	Babu	Perempuan yang bekerja sebagai pembantu rumah
Bagai	Kawan	Bagai	Seperti (seperti kucing dengan anjing), banding, persamaan
Bakat	Luka	Bakat	Kebolehan semulajadi
Balut	Pegang	Balut	Pembungkus, pembebat
Bangbang	Kuih	Bangbang	Jw sl merah:berpayung
Basung	Ikan Sardin	Basung	Akar kayu yang ringan (seperti gabus)
Batik	Bangun dari tidur	Batik	Kain yang bercorak (dilukis atau ditera

			dengan lilin dan dicelup)
Borak	Bedak	Borak	Perbualan mesra, tidak formal
Buas	Nasi	Buas	Ganas, galak, tidak terkawal
Bukut	Belakang badan	Bukut	Menutup, membungkus
Dangai	Berapa	Dangai	Sejenis kuih (dibuat daripada tepung pulut, kelapa, gula dan dibakar)
Dayang	Sayang/panggilan manja kepada anak perempuan	Dayang	Gadis, perawan, panggilan timang-timangan untuk anak perempuan, gadis-gadis pelayan di istana
Gandum	Jagung	Gandum	Sejenis tumbuhan, terigu
Hati	Maksud	Hati	Organ yang berwarna perang kemrah-merahan di dalam tubuh, tempat melahirkan segala perasaan
Hos	Sarung pelikat	Hos	Tiub yang diperbuat daripada getah untuk menyalurkan cecair atau gas

Kakak	Abang	Kakak	Saudara perempuan yang lebih tua
Kapal	Tebal	Kapal	Bahtera atau perahu besar yang ada geladak
Kayau	Menggaru	Kayau	Mengayau, membanjiri
Kepet	Ketiak	Kepet	Tidak beristinja (bercebok)
Kuya	Monyet	Kuya	Sejenis kura-kura kecil
Lagak	Pelahap	Lagak	Gaya atau pembawaan (yang menunjukkan keangkuhan atau kesombongan)
Layak	Pening	Layak	Padan, patut, sesuai
Lampung	Ringan	Lampung	Tidak tenggelam. terapung
Langkau	Tinggi	Langkau	Dilangkahi atau dilampaui
Lara	Pedas	Lara	Sakit percintaan, pilu sedih
Lawak	Jauh	Lawak	Jenaka, kelakar
Ogos	Ikan Bayan	Ogos	Bulan kelapan dalam tahun Masihi
Organ	Set alat muzik	Organ	Alat dalam tubuh
Pahang	Biawak	Pahang	Negeri di tenggara Semenanjung

Pandu	Belajar	Pandu	Pemandu orang yang menunjukkan jalan, perintis jalan
Panji	Perbuatan memberi duit ketika melakukan tarian 'igal' adat bajau	Panji	Bendera
Parang	Rumput	Parang	Sejenis pisau besar
Pasar	Inai	Pasar	Bangunan atau kelompok gerai
Pisang	Nanas	Pisang	Sejenis tumbuhan (buahnya bertandan dan bersikat-sikat)
Pong	Patah	Pong	Bunyi seperti bunyi barang yang jatuh di air
Ragan	Berlari	Ragan	Kd ark tujuh
Sakat	Dekat	Sakat	Sejenis tumbuhan (pokok menumpang), bendalu
Sampuk	Sepuluh	Sampuk	Menyampuk
Senyawa	Seluar dalam	Senyawa	Sudah menjadi satu, sebatu
Siam	Sembilan	Siam	Sejenis tumbuhan (pokok renek)
Singsing	Cincin	Singsing	Menyingsingkan menarik ke atas (kain, lengan baju), menggulung

Suntutuk	Tumbuk	Suntutuk	Sampai hadnya, telah habis waktunya
Surai	Sikat rambut	Surai	Rambut (di kepala), bulu atau rambut pada tengkuk kuda
Tawan	Takut	Tawan	Menangkap atau menahan musuh
Tempel	Sebuah pengangkutan yang populer dalam etnik bajau dengan muatan antara 15-35 orang penumpang	Tempel	Gambar-gambar yang dilekatkan pada benda lain sekiranya dibasahi dengan air
Tong	Hujung	Tong	Tin atau kaleng yang besar, tempat membuang sampah
Tuas	Keras	Tuas	Sejenis alat yang mengungkit (mengangkat) sesuatu yang berat, pengungkit, tuil
Tuli	Tidur	Tuli	Tidak dapat mendengar
Ulan	Hujan	Ulan	Sejenis tumbuhan (pokok memanjat)
Uli	Rapat	Uli	Sejenis yang dibuat daripada beras pulut, beruli (sudah) diramas-ramas dan ditekan-tekan (adunan roti,

			kuih)
--	--	--	-------

Jadual 1.2 di atas menunjukkan senarai kosa kata yang telah di kumpul melalui set soalan yang dibina oleh pengkaji berkaitan dengan leksikal bahasa Bajau. Pengkaji juga menjalankan sesi temu bual bagi mengesahkan kesahihan beberapa perkataan sebagai maklumat tambahan dalam kajian ini. Berdasarkan senarai kosa kata yang terkandung pada jadual di atas, pengkaji mendapati makna kosa kata bahasa Bajau mempunyai hubungan kognat atau berhomonim dengan kosa kata bahasa Melayu standard merujuk pada kamus dewan keempat. Kemiripan yang wujud di antara bahasa Bajau dengan bahasa Melayu standard ini mendorong pengkaji untuk melakukan penyelidikan secara terperinci dengan membandingkan kosa kata yang telah dikenal pasti. Justeru, hasil daripada pengumpulan beberapa leksikal bahasa Bajau, didapati hadir unsur kesamaan bentuk ejaan dan cara penyebutan, namun makna sesuatu leksikal itu saling berbeza dan tidak memiliki hubungan sesama sendiri.

Contoh kosa kata pertama yang memaparkan persamaan dari segi ejaan dan sebutan, akan tetapi berbeza erti ialah kata *tuas*. Merujuk jadual di atas, *tuas* pada pengertian bahasa Bajau adalah keras dengan seramai enam orang responden yang memberikan jawapan yang sama. Sekiranya dilihat pada kamus dewan keempat, *tuas* membawa erti kepada sejenis alat yang mengungkit (mengangkat) sesuatu yang berat, pengungkit atau tuil. Perbezaan makna pada kedua-dua kata tersebut menunjukkan tiada perkaitan langsung antara satu sama lain walaupun cara penyebutan dan ejaan yang mirip.

Selain itu, pengkaji mengutarakan soalan yang berkait rapat tentang dalam sistem panggilan kekeluargaan. Sebanyak tiga kosa kata dalam sistem panggilan etnik Bajau yang mempunyai persamaan dengan bahasa Melayu standard, iaitu '*Kakak, Babu dan Dayang*'. Hasil dapatan memperlihatkan, ketiga-tiga panggilan tersebut wujud pada sistem bahasa Melayu standard namun berbeza makna. Pertama, panggilan *kakak* dibahaskan pada masyarakat Bajau ialah abang, dengan hampir sebahagian responden yang memberikan jawapan sama, manakala bahasa melayu standard mengekalkan makna *kakak* iaitu saudara perempuan yang lebih tua. Kedua, panggilan *babu* yang bererti makcik dalam sistem bahasa Bajau, sebaliknya *babu* pada pengertian bahasa Melayu standard merujuk kepada perempuan yang bekerja sebagai pembantu rumah. Panggilan terakhir adalah *dayang*. Beberapa etnik Bajau memahami bahawa panggilan *dayang* ditujukan kepada sayang, namun begitu terdapat makna lain yang diberikan oleh responden, iaitu *dayang* lebih kepada panggilan manja kepada seorang anak perempuan. Makna yang kedua ini persis dengan definisi *dayang* pada kamus dewan bahasa Melayu, iaitu panggilan timang-timangan untuk anak perempuan. Selain itu, *dayang* pada hemat bahasa Melayu standard juga mewakili gadis, perawan atau gadis-gadis pelayan di istana.

Seterusnya, beberapa perkataan yang unik dalam bahasa Bajau yang dituturkan oleh etnik itu, misalnya pada panggilan haiwan atau binatang. Pengkaji menganalisis jawapan daripada masyarakat Bajau dan mendapati sebanyak tiga kosa kata yang berkaitan dengan haiwan dan perkataan tersebut adalah *basung*, *kuya*, dan *Ogos*. Ketiga-tiga kata ini masing-masing bermaksud ikan Sardin, monyet dan ikan Bayan dalam bahasa Bajau. Berbeza dengan makna pada bahasa Melayu standard, kata *basung* merujuk kepada akar kayu yang ringan (seperti gabus), *kuya* pula bermaksud sejenis kura-kura kecil dan kata *Ogos* didefinisikan

sebagai bulan kelapan dalam tahun Masihi. Perkataan-perkataan sedemikian membuktikan bahawa bahasa Bajau mempunyai persamaan yang ketara dari segi ejaan dan sebutan, tapi tidak pada erti setiap kata tersebut.

Di samping itu, terdapat perkataan yang langsung tidak berkait atau tiada hubungan antara satu sama lain, sama ada dari segi golongan kata, jenis kata dan lain-lain. Contohnya, kata *pahang* pada bahasa Bajau bermaksud biawak, manakala bahasa Melayu standard ialah salah satu negeri di tenggara semenanjung. Kata *suntut* dalam Bajau bererti perbuatan tumbuk, namun *suntut* dalam bahasa Melayu membawa maksud sampai hadnya ataupun telah habis waktunya. Kata *tuli* bermaksud tidur dalam bahasa Bajau, akan tetapi *tuli* merujuk kepada tidak dapat mendengar dalam bahasa Melayu. Seterusnya, kata *hos* pada etnik Bajau bermaksud sarung pelekak, manakala pada bahasa Melayu standard *hos* sebagai tiub yang diperbuat daripada getah untuk menyalurkan cecair atau gas. Terakhir, kata *tempel* juga menarik perhatian pengkaji kerana *tempel* pada pengamatan etnik Bajau ialah sebuah pengangkutan yang popular dalam masyarakat tersebut dengan muatan antara 15 sehingga 35 orang penumpang. Kebiasaannya, tempel berukuran 20 hingga 30 kaki panjang dengan lapan hingga sepuluh kaki lebar dan menggunakan enjin sangkut atau enjin *pump boat* (rujuk Lampiran). Sedangkan kata tempel pada bahasa Melayu standard membawa erti kepada gambar-gambar yang dilekatkan pada benda lain sekiranya dibasahi dengan air.

FAKTOR PERSAMAAN LEKSIKAL BAHASA DI ANTARA BAHASA BAJAU DENGAN BAHASA MELAYU STANDARD

Berdasarkan soalan yang disediakan oleh pengkaji iaitu ‘Berikan pendapat anda tentang faktor yang membawa kepada persamaan kata di antara bahasa bajau dengan bahasa melayu’, hasil dapatan menunjukkan beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya kemiripan kosa kata di antara bahasa Bajau dengan bahasa Melayu standard yang telah diberikan oleh responden melalui *Google Form*. Faktor yang paling mempengaruhi menurut responden adalah faktor sejarah dan faktor perkahwinan, masing-masing seramai lima orang responden. Faktor seterusnya adalah faktor migrasi atau nomad seramai empat orang responden dan faktor asal-usul dengan mencatatkan tiga orang responden. Terdapat dua orang responden yang menjawab bahawa faktor kemiripan antara dua bahasa ini adalah disebabkan oleh pengaruh kedatangan Islam. Faktor-faktor lain seperti faktor interaksi sejarah dan sosial komuniti bajau dan melayu, faktor kebahasaan, persejarahan, sosial, psikologi, pengaruh bahasa asing dan keperluan kepada kata baharu, dan faktor kehausan istilah dan pinjaman perkataan, dengan masing-masing dengan seorang responden.

Hasil penyelidikan mendalam oleh pengkaji dengan bersumberkan tulisan ilmiah, buku dan sebagainya, faktor utama yang membawa kepada persamaan di antara bahasa Bajau dengan bahasa Melayu standard adalah faktor asal-usul. Masyarakat Bajau mengaitkan asal-usul etnik Bajau daripada kerajaan Johor (Yap, 1988). Mitos ini diperkuatkan lagi dengan peristiwa Raja Saringaya Bongsud atau lebih dikenali sebagai Sharif Muhammad Kabongsuan ketika era pemerintahan Sultan Iskandar Alam dari Johor. Pada zaman pemerintahan tersebut, Raja Saringaya Bongsu telah berniat untuk mengahwini puteri Sultan Iskandar Alam yang bernama Puteri Jayaran Kamran. Perkara ini secara tidak langsung menjurus kepada faktor seterusnya yang dipersetujui oleh majoriti responden, iaitu faktor perkahwinan. Walaubagaimanapun,

berlaku persaingan antara Raja Saringaya Bongsud dengan adindanya sendiri, iaitu Haklum Nuzum yang juga diketahui mempunyai hasrat yang sama untuk mengahwini Puteri Jayaran Kamran. Sultan Iskandar Alam mengalami dilema akibat persaingan yang timbul dan sukar untuk membuat keputusan yang tepat dalam menentukan antara kedua putera tersebut memandangkan mereka berdua calon yang sesuai untuk dijadikan sebagai menantu sultan. Jalan penyelesaian kepada masalah berkenaan adalah ketika Sultan Iskandar Alam bertindak untuk mengadakan satu peraduan, iaitu sesiapa yang memenangi peraduan tersebut akan memperisterikan puterinya, Puteri Jayaran Kamran sekali gus bergelar menantu sultan johor. Peraduan tersebut adalah Raja Saringaya Bongsud dan Haklum Nuzum diarahkan oleh sultan untuk belayar ke Pulau Ansor di Johor. Hasilnya, kemenangan berpihak kepada Haklum Nuzum seterusnya mengahwini Puteri Jayaran Kamran, manakala Raja Saringaya Bongsud mengalami kekalahan kerana sampannya karam. Akibat kekalahan, Raja Saringaya bersama dengan pengikutnya belayar meninggalkan Johor dengan niat tidak akan kembali. Dalam pelayaran pulang, mereka dipukul di tengah-tengah laut dan kapal mereka terpecah menuju haluan yang berbeza, iaitu ada yang ke Palembang, Banjar, Brunei, Temposak, Banjar, Sulu, Tubok, Malabang dan Pulau Tandok Kalangan di Sandakan, Sabah. Pada akhirnya, etnik bajau tinggal berasingan dan menjadikan kawasan-kawasan kapal mereka terdampar sebagai penempatan baharu mereka, termasuklah Sabah (Md.Saffie, Sabihah & Ramzah, 2012:14&15). Pelayaran ini menyebabkan orang-orang Johor menetap tetap di kawasan Sabah iaitu Sandakan dan kesannya adalah kepada bahasa yang sehingga hari ini.

Faktor migrasi atau nomad pula dikaitkan dengan peristiwa Raja Saringaya Bondusd dengan etnik Bajau pantai timur apabila rombongan Raja Saringaya Bongsud telah belayar dan hanyut ke arah Kepulauan Filipina, pada ketika itu dibawah pemerintahan Kesultanan Sulu. lalu, Raja Saringaya menetap di Pulau Setaluk, Kepulauan Sulu dan telah mengubah nama pulau tersebut menjadi Pulau Siasi. Oleh kerana Raja Saringaya Bongsud merupakan keturunan raja Johor lama, maka baginda diberikan tempat perlindungan di Kepulauan Borneo oleh Sultan Sulu. antara pulau yang diberikan oleh kerajaan Sulu ialah Pulau Omadal, iaitu pulau yang berada di Semporna, Sabah pada ketika ini (Carey, 1970:181-184). Hujah lain mengenai faktor migrasi atau nomad dilihat pada penulisan sarjana barat iaitu Najeeb (2005:2-9) pada tulisannya, *The History of Sulu* mengatakan etnik bajau itu berasal dari Johor. Ia bermula ketika etnik bajau melakukan pengembaraan lalu terdampar di tanah Sulu akibat taufan. Mereka menetap di Semenanjung Sulu namun terpaksa bersaing dengan etnik Tausug atas dasar petempatan dan kekuasaan. Persaingan ini mengakibatkan etnik bajau bermigrasi mencari tempat tinggal baharu, dan tempat yang dituju ialah Sabah, memandangkan Sabah merupakan pulau yang berdekatan dengan Semenanjung Sulu. Oleh yang demikian, faktor migrasi atau nomad ini mengakibatkan kemiripan bahasa di antara bahasa bajau dengan bahasa melayu memandangkan Raja Saringaya berasal dari Johor lalu berhijrah ke Sabah dan tulisan sarjana barat mengatakan etnik bajau itu asalnya dari kerajaan Johor.

Akhir sekali, faktor-faktor lain seperti faktor interaksi sejarah dan sosial komuniti Bajau dan melayu, faktor kebahasaan, persejarahan, sosial, psikologi, pengaruh bahasa asing dan keperluan kepada kata baru, serta faktor kehausan istilah dan pinjaman perkataan didapati tidak memiliki bukti yang kukuh dan kesahihannya yang kurang jelas. Pengkaji mendapati tiada kajian khusus yang menerangkan faktor-faktor tersebut menjadi punca kepada kemiripan di

antara bahasa bajau dengan bahasa melayu standard. Kenyataan daripada responden hanya sebatas jawapan tanpa huraian dan bukti dari kajian-kajian lepas.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat banyak kosa kata bahasa Bajau yang memiliki kemiripan dengan bahasa Melayu standard dari aspek pengejaan dan penyebutan kata, namun tidak memberi makna yang serupa. Hubungan homonim di antara kedua-dua bahasa ini sememangnya wujud sejak dahulu lagi. Dapatan kajian juga memperlihatkan terdapat beberapa faktor yang mengundang kepada punca persamaan berlaku di antara kedua bahasa tersebut. Antaranya, faktor asal-usul bahasa, faktor migrasi masyarakat, faktor perkahwinan dan sebagainya. Oleh yang demikian, kajian ini telah menghuraikan secara jelas dan terperinci kata berhomonim dan faktor-faktor berlakunya kemiripan di antara bahasa Bajau dengan bahasa Melayu standard.

RUJUKAN

- Ahmad Mukhlis Zanala Abidin, and Normalis Amza. "Analisis Homofon, Homonim Dan Homograf Dalam Dialek Melayu Kelantan Dan Bahasa Jepun Dengan Menggunakan Analisis Kontrastif." *Analisis Homofon, Homonim Dan Homograf Dalam Dialek Melayu Kelantan Dan Bahasa Jepun Dengan Menggunakan Analisis Kontrastif*, vol. 8, no. 1, 10 July 2024, pp. 1–21, journalarticle.ukm.my/23796/1/ST%201.pdf.
- Alice Lipscombe-Southwell. "What's the Longest a Human Can Hold Their Breath Underwater?" *Www.sciencefocus.com*, 4 June 2023, www.sciencefocus.com/the-human-body/whats-the-longest-a-human-can-hold-their-breath-underwater.
- Astro Awani. "Ebit Lew Islamkan Satu Kampung Di Sabah." *Astroawani.com*, 1 Feb. 2021, www.astroawani.com/berita-malaysia/ebit-lew-islamkan-satu-kampung-di-sabah-280672.
- Berawati Renddan, et al. "Domain Dan Bahasa Pilihan Tiga Generasi Etnik Bajau Sama Kota Belud." *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, vol. 5, no. 7, 10 July 2020, pp. 96–107, <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i7.448>. Accessed 13 Sept. 2020.
- Cesar Adib Majul. "Political and Historical Notes on the Old Sulu Sultanate." *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, vol. 38, no. 1 (207), 1965, pp. 23–42. *JSTOR*, www.jstor.org/stable/41491838, <https://doi.org/10.2307/41491838>.
- Clifford Sather. Some Notes Concerning Bajau Laut Phonology and Grammar. *Sabah Society Journal*, 3(4), 205-224., 1968.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, and Siti Amanina Sahira Saidi. "Paparatan Kajian Frasa Kerja Bahasa Bajau Darat Di Pantai Barat Dan Bajau Laut Di Sabah: Analisis Kerangka Minimalis." *Jurnal.dbp.my*, 5 Dec. 2021, jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/8125/4281.
- Indirawati Zahid. "Kata Kerja Dan Hubungan Leksikal Dalam Iklan Produk Kecantikan Wanita." *Issues in Language Studies*, vol. 8, no. 1, 27 June 2019, pp. 70–89, <https://doi.org/10.33736/ils.1404.2019>.
- Kamus Dewan. (2015). Ed. ke-4, Cetakan ke-6. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

- Md. Saffie Abd Rahim, et al. "Bajau Pantai Timur." *Www.itbm.com.y*, Institusi Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2012.
- Mohd Syam Halipa. "Sejarah Budaya Dan Adat Istiadat Kematian Suku Kaum Bajau Di Sandakan, Sabah (1963-2000) - UMS INSTITUTIONAL REPOSITORY." *Ums.edu.my*, 2022, eprints.ums.edu.my/id/eprint/35458/, <https://eprints.ums.edu.my/id/eprint/35458/1/24%20PAGES.pdf>.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. *Homonim Bahasa Bajau Dalam Kamus Dewan: Satu Tinjauan Awal the Bajau Language Homonyms in Kamus Dewan: A Preliminary Perusal*. Vol. 11, no. 2, 25 May 2023, pp. 16–28, www.researchgate.net/publication/371013463_Homonim_Bahasa_Bajau_dalam_Kam, <https://doi.org/10.17576/jatma-2023-1102-02>.
- Serafica Gischa. "Berapa Lama Manusia Bisa Bertahan Tanpa Oksigen?" *KOMPAS.com*, Kompas.com, 2 Oct. 2021, www.kompas.com/skola/read/2021/10/02/130000269/berapa-lama-manusia-bisa-bertahan-tanpa-oksigen.
- Shreyashi Chakraborty. "30 Lesser-Known Facts about Heart Health That You Should Know." *Medical Daily*, 29 Mar. 2023, www.medicaldaily.com/30-lesser-known-facts-about-heart-health-that-you-should-know-469195.
- Siti Farida Salleh, et al. "Analisis Semantik Leksikal Dalam Novel Sangkar Karya Samsiah Mohd. Nor." *Asian People Journal (APJ)*, vol. 3, no. 1, 30 Apr. 2020, pp. 45–63, <https://doi.org/10.37231/apj.2020.3.1.144>.
- Syamsul Azizul Marinsah, et al. "Ritual Perubatan Tradisional Etnik Bajau Di Sabah : Analisis Dari Perspektif Hukum Islam." *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa*, vol. 31, no. 1, 29 June 2020, jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/MANU/article/view/2449/1611?ssp=1&darkschemeovr=1&setlang=enMY&safesearch=moderate, <https://doi.org/10.51200/manu.v31i1.2449>.
- Ustaz Syafiq at-Tauhidi. "Keunikan Orang Bajau Laut, Mampu Menyelam Selama 13 Minit Sambil Menahan Nafas! – ABIM." *Abim.org.my*, 26 Sept. 2021, www.abim.org.my/keunikan-orang-bajau-laut-mampu-menyelam-selama-13-minit-sambil-menahan-nafas/.
- Zulayti Zakaris, et al. "Menelusuri Warisan Budaya-Ketara Dan Budaya-Tidak-Ketara Etnik Bajau Ubian Di Pantai Timur Sabah." *Asian Journal of Research in Education and Social Sciences*, vol. 5, no. 3, Sept. 2023, pp. 426–436, myjms.mohe.gov.my/index.php/ajress/article/view/24595.
- Zul Hanis Yop Othman , et al. *Penelitian Leksikal Dialek Utara Dari Sudut Analisis Semantik*. *International Journal of Humanities Philosophy and Language* , Sept. 2024, www.researchgate.net/publication/384473129_Penelitian_Leksikal_Dialek_Utara_Dari_Sudut_Analisis_Semantik.